

## KEPENTINGAN ILMU FALSAFAH KEPADA PERPADUAN MASYARAKAT

Hasmiza Idris (HELP University)

Email: [hasmiza.i@help.edu.my](mailto:hasmiza.i@help.edu.my)

Akhmal Ayob (HELP University)

Email: [akhmal.ayob@help.edu.my](mailto:akhmal.ayob@help.edu.my)

### ABSTRAK

Kajian ini merupakan suatu kajian perpustakaan yang meneliti kepentingan ilmu falsafah kepada perpaduan dalam konteks kepelbagaian etnik dan budaya. Ilmu falsafah menyediakan platform yang baik untuk membentuk pemikiran kritis dan terbuka yang mampu mempercepatkan perpaduan dalam masyarakat yang kompleks. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini berusaha untuk mengkaji pelbagai teori falsafah seperti multikulturalisme dan integrasi sosial untuk memahami bagaimana teori-teori terpilih ini dapat menyiapsiagakan pemikiran dan kefalsafahan masyarakat sebagai panduan ke arah perpaduan di negara ini. Kajian ini menyedari bahawa kerangka kerja yang komprehensif perlu dilakukan untuk keberkesanan kajian dengan mengambil kira pelbagai perspektif falsafah, konteks budaya, dan dinamik masyarakat. Teori multikulturalisme menekankan kepentingan mengekalkan identiti dan tradisi budaya yang berbeza sambil menggalakkan dialog dan pemahaman antara budaya. Teori integrasi sosial pula mengandaikan bahawa perpaduan dicapai melalui interaksi dan kerjasama antara kumpulan budaya tanpa kehilangan identiti unik mereka. Pertimbangan terhadap faktor sejarah dan sosiopolitik yang membentuk landskap kepelbagaian budaya adalah penting dalam usaha untuk memahami dinamik perpaduan dan kepelbagaian budaya. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan pandangan yang mendalam mengenai peranan ilmu falsafah dalam membentuk pemikiran masyarakat yang lebih inklusif dan harmoni, serta menekankan pentingnya dialog antara budaya dan pengiktirafan nilai bersama demi perpaduan.

**Kata Kunci:** ilmu falsafah, perpaduan, multikulturalisme, dan integrasi sosial.

### 1. Pengenalan

Perpaduan masyarakat dalam konteks kepelbagaian etnik dan budaya adalah penting bagi kestabilan dan keharmonian negara. Perhubungan baik dan positif antara anggota masyarakat merupakan tiang kemakmurhan (Shamsul Amri Baharuddin, 2012) dan ciri utama bagi pembangunan ekonomi dan sosial dalam sebuah kumpulan masyarakat pelbagai etnik. Kepelbagaian masyarakat di Malaysia dicirikan melalui perbezaan latar belakang etnik, agama, budaya malah pendidikan. Kemajmukan ini meletakkan perhubungan masyarakatnya pada tahap yang sangat berisiko. Oleh itu, kepentingan untuk mewujudkan masyarakat yang bersatu padu menjadi semakin jelas dalam situasi global semasa, di mana konflik dan ketegangan etnik sering kali menjadi punca ketidakstabilan sesebuah negara. Menurut Sanjeev Saxena (2008), perbezaan antara kumpulan etnik dalam beberapa keadaan adalah sangat luas dan tidak dapat disangkal ianya akan menyebabkan konflik.

Perpaduan dalam sesebuah masyarakat pelbagai akan dicapai jika masyarakatnya mempunyai kesefahaman yang tinggi, toleransi, keterbukaan dan saling menghormati. Semua ciri ini memerlukan kematangan pemikiran dan kewarasan akal dalam kalangan anggota masyarakatnya. Ilmu falsafah menawarkan platform yang berkesan untuk membina pemikiran kritis dan terbuka yang dapat mendorong masyarakat berfikiran matang dan mempunyai logik

akal yang tinggi kerana falsafah ialah satu disiplin yang berkait rapat dengan ~~berkenaan dengan~~ pemikiran. Manakala ahli falsafah sosial telah banyak menyumbang kepada pengetahuan tentang masyarakat dan menyumbang kepada perkembangan sosiologi kontemporari seperti Auguste Comte (1798-1857), Herbert Spencer (1820-1903), Emile Durkheim (1858-1917), Max-Weber (1864-1920), Karl Marx (1818-1883), George Herbert Mead (1863-1931) dan ramai lagi.

Justeru itu, makalah ini berusaha untuk mengenalpasti kepentingan dan peranan ilmu falsafah dalam membentuk pemikiran terbuka dan kritis dalam masyarakat pelbagai di Malaysia. Selain itu turut mengkaji pendekatan teori multikulturalisme dan integrasi sosial dalam konteks perpaduan masyarakat pelbagai etnik di negara ini.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan ini membolehkan penilaian yang objektif terhadap teori-teori yang diterokai dan bagaimana ia boleh diaplikasikan dalam konteks perpaduan masyarakat. Data dikumpulkan melalui analisis dokumen dan artikel akademik yang berkaitan dengan topik kajian.

## 2. Makna Falsafah

Falsafah (bermaksud 'cinta kebijaksanaan' dalam bahasa Yunani Purba) ialah kajian sistematis tentang persoalan umum dan asas mengenai topik seperti kewujudan, sebab, pengetahuan, nilai, fikiran, dan bahasa. Plato (427-347 S.M) mendefinisikan falsafah sebagai kajian terhadap sesuatu yang benar, baik, dan cantik. Manakala Aristotle (384-322 S.M) pula menjelaskan falsafah sebagai kajian mengenai zat sesuatu (*being as being*) dan penyebab utama (*first principles*) dan menjelaskan bahawa falsafah adalah suatu ilmu yang cuba memahami hakikat ketuhanan (metafizik), struktur dunia fizikal, tujuan kehidupan manusia, dan hubungannya dengan alam.

Derek (2021), menjelaskan dengan mudah beberapa cabang utama ilmu falsafah iaitu epistemologi, bidang yang bertanya tentang bagaimana kita mengetahui sesuatu perkara. Ianya merujuk kepada pengetahuan dan perkara yang biasa didengar, merujuk kepada suatu kemahiran, merujuk kepada sesuatu peraturan yang dilaksanakan dan merujuk kepada kebenaran sesuatu yang disemak. Logik, bidang yang berkait dengan peraturan yang kita perlukan agar kita dapat berfikir secara teliti serta yakin, serta tentang bagaimana bila kita patut menggunakan pakai peraturan tersebut. Metafizik merujuk kepada kajian tentang hakikat kewujudan. Metafizik cuba menggunakan akal fikiran pada perkara yang di luar jangkaan kita dengan mengkaji sesuatu perkara itu sendiri. Cabang etika pula berkaitan dengan betul dan salah sesuatu tindakan dan membincangkan tentang persoalan seperti tindakan yang manakah betul atau salah? Apakah matlamat yang betul dalam kehidupan? Apakah cara yang betul untuk mencapainya? Apakah kewajipan dan tanggungjawab saya? Seterusnya cabang falsafah politik yang merupakan cabang etika yang membincangkan persoalan kewajipan dan tanggungjawab seseorang warganegara, hak dan kuasa dan berkaitan dengan bagaimana kita hidup bersama komuniti. Falsafah politik mengkaji jenis kerajaan dan meneliti orang yang layak mewujudkan undang-undang dan sumber kelayakan tersebut. Seterusnya bidang estetika yang berkenaan dengan seni dan keindahan serta gerak balas manusia terhadapnya.

Ahli falsafah Timur seperti al-Kindi dan al-Farabi menjelaskan falsafah sebagai ilmu tentang hakikat kehidupan manusia, alam, dan tuhan. Falsafah adalah tentang disiplin dan tentang penjelasan yang munasabah. Ilmu falsafah melibatkan pertimbangan pemikiran tentang sesuatu perkara secara mendalam yang mengandungi kritikan (kritikan bukan perkataan yang negatif), menilai dan meneliti malah ramai ahli falsafah Islam menekankan konsep akal dan hikmah seperti Al-Ghazali (Kamal Azmi Abd. Rahman, 2023). Berbanding dengan para saintis yang menumpukan kepada fakta yang lebih tepat tentang fenomena yang berlaku di dunia, ahli falsafah lebih menumpukan kepada maksud sebenar, logik, penilaian, dan pentafsiran terhadap fenomena atau fakta mengenai alam (Ahmad Sunawari Long, 2016).

Ini bermakna dengan pemikiran falsafah, masyarakat akan melihat sesuatu dengan mendalam dari aspek sebab-musabab benda atau kejadian. Penting untuk memahami pemikiran falsafah Barat dan falsafah Timur kerana idea-idea mendalam mereka secara langsung mempengaruhi kehidupan sosial, institusi politik, dan pembentukan pemikiran kita pada hari ini. Ini adalah kerana falsafah ialah proses yang berterusan dalam menilai cara manusia berfikir dan membuka kemungkinan untuk ‘berfikir’ dengan cara yang berbeza menurut Derek Johnston (2021). Keupayaan berfikir dengan cara berbeza diharapkan dapat mewujudkan masyarakat yang dapat menerima dan meraikan perbezaan yang ada dalam masyarakatnya seperti masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

### **3. Kepentingan Ilmu Falsafah terhadap Perpaduan.**

Falsafah adalah salah satu disiplin akademik yang memiliki sejarah kuno, dengan akarnya menjangkau jauh ke permulaan tamadun manusia. Ia boleh dianggap sebagai salah satu ilmu pertama yang muncul di dunia. Kepentingan falsafah sebagai sebuah disiplin akademik tidak boleh dipandang remeh kerana ia mengkaji dan cuba menjelaskan setiap aspek kehidupan manusia. Tujuan berfalsafah adalah untuk menghindari kejihilan, berdiri di atas kebenaran, dan menyingkap tabir kebatilan yang menutupi kelemahan fikiran. Falsafah merupakan ringkasan pemikiran manusia yang berusaha memahami hakikat alam sekelilingnya (Mohammed Yusoff Hussain, 2002).

Ilmu falsafah adalah bidang akademik yang mendalam yang menekankan analisis kritis, refleksi, dan pemahaman terhadap konsep-konsep fundamental yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan manusia, termasuk etika, pengetahuan, realiti, dan kewujudan. Kepentingan utama ilmu falsafah adalah kemampuannya dalam membentuk pemikiran kritis dan terbuka. Menurut Velasques (2014), pemikiran kritis ialah bentuk disiplin pemikiran di mana kita mendasarkan kepercayaan dan tindakan kita pada penaakulan yang objektif dan sah, menggunakan bukti yang kukuh, mengelakkan generalisasi palsu dan andaian yang tidak disedari, serta mempertimbangkan sudut pandangan yang berbeza.

Ilmu falsafah mampu memberi keupayaan kepada seseorang untuk menganalisis sesuatu perkara atau isu secara mendalam yang mana ianya menggalakkan individu untuk tidak menerima sesuatu idea atau kenyataan secara bulat-bulat. Sebaliknya, falsafah mengajar individu untuk menganalisis setiap idea secara mendalam, menilai hujah-hujah yang disokong dengan bukti, dan mengenal pasti kesilapan atau kelemahan dalam pemikiran. Pemikiran kritis melibatkan kebolehan untuk bertanya soalan yang relevan dan bermakna. Ini termasuk menyoal asas-asas kepercayaan dan nilai-nilai yang dipegang oleh individu atau masyarakat,

yang seterusnya membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam. Dengan pemikiran kritis, individu lebih berupaya untuk mendekati masalah dengan cara yang sistematik dan logik. Manusia dapat mengenal pasti isu-isu utama, menganalisis pilihan yang ada, dan membuat keputusan yang berinformasi. Dalam proses analisis mendalam, ilmu falsafah menitikberatkan tentang keupayaan untuk mengenal pasti kesilapan dan kekeliruan dalam pemikiran. Ini termasuk kesilapan logik (logical fallacies), anggapan yang tidak berasas (unfounded assumptions,) dan generalisasi yang berlebihan (overgeneralizations). Dengan keupayaan mengenal pasti kesilapan ini, seseorang individu dapat memperbaiki hujah mereka dan meningkatkan ketepatan pemahaman mereka.

Ilmu falsafah mengajarkan individu untuk menghargai pelbagai pandangan dan budaya dengan pemikiran terbuka. Dengan mempelajari pelbagai teori dan konsep falsafah dari budaya dan tradisi yang berbeza, masyarakat belajar untuk menghargai dan menghormati perbezaan. Pemikiran falsafah mendorong keterbukaan kepada idea dan perspektif baru. Ini membantu individu untuk sentiasa terbuka kepada pembelajaran baru dan tidak terikat kepada dogma atau pemikiran yang sempit. Ilmu falsafah mempromosikan dialog dan diskusi sebagai alat untuk mencari kebenaran dan pemahaman. Melalui diskusi terbuka, individu dapat berkongsi pandangan mereka, mendengar pandangan orang lain, dan bersama-sama mencari penyelesaian yang lebih baik. Selain itu, Ilmu falsafah membantu dalam menyediakan kerangka pemikiran yang sistematik untuk memahami dan menganalisis isu-isu perpaduan kaum. Melalui pendekatan falsafah, konsep-konsep seperti keadilan sosial, etika, dan hak asasi manusia dapat diterapkan dalam dasar-dasar perpaduan.

Falsafah menggalakkan dialog dan perdebatan yang rasional, yang mana ia penting untuk meningkatkan pemahaman antara budaya. Diskusi falsafah dapat membantu mengurangkan prasangka dan stereotaip melalui penekanan pada nilai-nilai universal dan kemanusiaan. Melalui dialog dan perdebatan, aktiviti ini akan menjadi ruang dan peluang untuk masyarakat berinteraksi antara satu sama lain. Bapa falsafah agung barat iaitu Socrates menggunakan kaedah ‘sokratik’ (mengajukan soalan demi soalan) dalam mengetahui kebenaran. Falsafah menggalakkan kaedah soal menyoal untuk menyingkap kebenaran dan ketepatan, proses ini memerlukan pemikiran yang kritikal dan cerdas dalam sesi dialog dan perdebatan. Individu digalakkan untuk mempertikaikan asas-asas kepercayaan dan nilai-nilai yang dipegang oleh individu atau masyarakat. Ini bukan bermakna untuk menolak nilai-nilai tersebut, tetapi untuk memahami dari mana asal pemikirannya, mengapa ia dipegang, dan bagaimana ia boleh disesuaikan atau ditingkatkan. Dengan menyoal secara kritikal, individu atau masyarakat itu dapat mencapai pemahaman yang lebih mendalam tentang isu-isu yang dibincangkan. Ini membantu mereka untuk menilai isu-isu tersebut dari pelbagai perspektif dan mengembangkan pandangan yang lebih komprehensif dan berinformasi.

Kemajmukan budaya dalam masyarakat pelbagai meletakkan risiko yang tinggi dalam keharmonian perhubungan antara masyarakatnya (Abdul Rahman Ismail (2007); Baterah Alias (2014), Ahmad Tarmizi Talib (2019)). Pendidikan falsafah menekankan pentingnya etika seperti integriti, kejujuran, dan keadilan dalam interaksi sosial. Kesedaran etika ini dapat memupuk sikap hormat-menghormati dan toleransi dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Falsafah menekankan kepentingan nilai etika melalui beberapa cara iaitu dengan membincangkan asas-asas moral dan prinsip etika, ianya dapat membantu individua atau

masyarakat memahami apa yang dianggap sebagai tindakan yang betul atau salah, baik atau buruk. Melalui pelbagai teori etika klasik seperti utilitarianisme, deontologi, dan etika kebijikan, falsafah menawarkan rangka kerja untuk menilai tindakan manusia dan menentukan piawaian moral. Falsafah juga mendorong refleksi kritis terhadap nilai-nilai dan kepercayaan moral yang dipegang oleh sesuatu kumpulan masyarakat. Malah ia menggalakkan individu untuk memeriksa dan mengkaji semula prinsip etika yang dipegang sebagai adat, adat resam, kepercayaan dan sebagainya untuk memastikan ia berasaskan penaakulan yang kukuh untuk terus berpegang kepada dirinya. Falsafah membantu dalam menangani dilema moral yang kompleks dengan memberikan alat analisis dan pemikiran yang sistematik untuk menilai pilihan yang ada dan implikasinya. Melalui kajian etika, falsafah menggalakkan pengembangan watak moral yang baik, mengajarkan pentingnya kebijikan seperti kejuran, keberanian, dan belas kasihan dalam kehidupan seharian. Prinsip-prinsip etika yang diterapkan dalam falsafah mempengaruhi pembentukan dasar sosial dan undang-undang, memastikan bahawa undang-undang dan peraturan yang dibuat adalah adil dan bermoral. Dengan cara-cara ini, falsafah bukan sahaja membantu individu memahami nilai-nilai etika tetapi juga mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian dan masyarakat secara keseluruhan.

### 3.1 Pendekatan Teori Multikulturalisme

Konsep ini berkembang di Kanada, Amerika dan Australia ekoran banyaknya berlaku migrasi setelah Perang Dunia kedua tercetus. Dalam proses dunia menghadapi globalisasi, konsep multikulturalisme dibincangkan tentang perhubungan antara manusia dan hubungan yang merangkumi aspek kepelbagaian ekonomi, politik dan sosial dalam masyarakat majmuk (Samsudin Suhaili, 2010). Multikulturalisme menekankan kepentingan mengekalkan identiti dan tradisi budaya yang berbeza sambil menggalakkan dialog dan pemahaman antara budaya. Ia bertujuan untuk mengiktiraf dan mempromosikan nilai kepelbagaian budaya dalam masyarakat. Dalam konteks Malaysia, di mana terdapat pelbagai etnik dan budaya, teori ini relevan untuk memahami bagaimana keharmonian boleh dicapai tanpa mengorbankan identiti budaya masing-masing. Kajian oleh Kymlicka (1995) menunjukkan bahawa multikulturalisme dapat menyumbang kepada perpaduan dengan mempromosikan penghormatan terhadap kepelbagaian dan mengurangkan konflik perkauman. Di Malaysia, dasar seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan mencerminkan prinsip-prinsip multikulturalisme.

Multikulturalisme adalah kunci untuk mencapai tahap kepelbagaian budaya yang tinggi. Kepelbagaian berlaku apabila masyarakat dari pelbagai latar belakang yang berbeza berkumpul untuk membentuk satu komuniti. Kumpulan penyokong kepelbagaian budaya berpendapat bahawa ia menjadikan nilai kemanusiaan lebih kuat dan mungkin penting untuk kelangsungan jangka panjang perhubungan antara masyarakat. Pada tahun 2001, Persidangan Agung UNESCO mengambil pendirian ini apabila menegaskan dalam Deklarasi Sejagat mengenai pengiktirafan terhadap kepelbagaian budaya bahawa "...cultural diversity is as necessary for humankind as biodiversity is for nature." Pada masa kini, hampir keseluruhan negara di dunia, di tempat kerja, dan di sekolah terdiri daripada pelbagai kumpulan budaya, agama, dan etnik. Teori ini menganggap bahawa dengan mengiktiraf, mempelajari dan memahami antara satu sama lain, masyarakat membina kepercayaan, rasa hormat, dan pemahaman merentasi semua budaya. Pendekatan ini juga percaya bahawa masyarakat dan organisasi dalam semua latar belakang akan mendapat manfaat daripada kepelbagaian budaya dan latar belakang akan mewujudkan kemahiran, pengalaman, dan cara berfikir baharu melalui perhubungan antara

mereka. Dengan menerapkan pendekatan-pendekatan ini, teori multikulturalisme dapat membantu membina masyarakat yang harmoni dan bersatu, di mana kepelbagaian budaya dianggap sebagai kekuatan dan bukan sebagai sumber perpecahan.

### 3.2 Pendekatan Teori Integrasi Sosial

Emile Durkheim memperkenalkan teori integrasi sosial pada akhir abad kesembilan belas, ia adalah cara di mana orang berinteraksi, berhubung dan mengesahkan status dan hak satu sama lain dalam masyarakat. Ia adalah satu cara untuk menggambarkan corak hubungan manusia yang telah ditetapkan dalam masyarakat. Perbezaan dalam integrasi antara masyarakat moden dan pra-moden dijelaskan oleh Durkheim dalam dua istilah utama bahawa masyarakat pra-moden disatukan oleh perpaduan mekanikal dan masyarakat moden dipegang bersama oleh perpaduan organik. Integrasi sosial akan tercapai melalui proses interaksi sosial antara masyarakat. Menurut Kivistö (1998) interaksi sosial merupakan kekuatan hubungan individu dengan masyarakatnya atau kestabilan dan ketahanan hubungan sosial dalam populasi masyarakatnya.

Integrasi sosial ialah proses menyatupadukan berbagai kelompok dalam masyarakat melalui satu identiti bersama dengan menghilangkan perbezaan dan identiti masing-masing. Sebahagian besar ahli sosiologi bersetuju mengatakan bahawa integrasi nasional perlu demi keharmonian, kesejahteraan dan kestabilan masyarakat (Ting Chew Peh, 1993). Integrasi sosial mengandaikan bahawa perpaduan dicapai melalui interaksi dan kerjasama antara kumpulan budaya tanpa kehilangan identiti unik mereka. Ia menekankan pentingnya kolaborasi dan interaksi sosial yang erat untuk mencapai perpaduan. Dalam konteks Malaysia, integrasi sosial boleh dilihat melalui pelbagai program dan inisiatif yang bertujuan untuk menggalakkan interaksi antara etnik. Howard Wiggins (1966) mendefinisikan integrasi sebagai proses menyatukan bahagian yang terpisah dalam masyarakat kepada penyatuan menyeluruh atau penghasilan sebuah bangsa daripada masyarakat kecil yang pelbagai.

Integrasi sosial merujuk kepada proses di mana semua kumpulan budaya saling berinteraksi, bekerjasama, dan berkongsi nilai bersama tanpa kehilangan identiti mereka. Menurut Mark Bevir (2012) pada kurun ke 19 dan 20, bentuk masyarakat telah berubah disebabkan kemajmukan budaya dan jelas sekali wujud perbezaan norma dalam kehidupan. Pada pertengahan abad ke-20, Robert Dahl, seorang ilmuwan politik Amerika dalam bukunya "Who Governs?" (1961), mengemukakan bahawa kekuasaan dalam sistem kerajaan demokrasi berkembang dalam kalangan pelbagai kelompok yang saling bersaing. Ini bermakna kita boleh mengekalkan perbezaan tetapi kekal hidup bersama dengan aman dan harmoni, malah perbezaan agama bukan penghalang untuk masyarakat hidup bersama (Diana, 2002). Namun demikian, perhubungan antara masyarakat yang dicirikan perbezaan memerlukan tahap interaksi dan integrasi yang tinggi antara anggotanya.

### 3.3 Perbincangan

Teori multikulturalisme dan integrasi sosial mempunyai hubungan yang kuat dalam membina identiti individu dan kolektif kerana kedua-duanya menggalakkan keseimbangan antara menghargai variasi budaya dan memupuk perasaan ikatan. Tariq Madood (2015) menyatakan bahawa multikulturalism bukan sekadar menekankan kepada perbezaan tetapi juga

mengintegrasikan identiti minoriti ke dalam masyarakat negara, mengukuhkan prinsip demokratik seperti kebebasan, kesamarataan dan keahliaan/kemasayarakatan. Pendekatan seperti ini adalah penting di dalam masyarakat pelbagai budaya kerana dinamika antara identiti kelompok kumpulan majoriti dan minoriti mesti dikawal untuk mengurangkan perselisihan faham dan membantu mencapai kejayaan yang baik dalam proses akulterasi budaya (Stathi, 2016). Selanjutnya, secara perbandingan dengan teori falsafah kontrak sosial yang menggambarkan masyarakat terpaksa berkompromi mengorbankan sebahagian hak mereka demi menjaga hak yang lain, kedua-dua teori multikulturalism dan integrasi sosial lebih mengenyahkan konsep persediaan mental dan kerelaan masyarakat secara rasional untuk menerima kepelbagaian dan perbezaan sebagai nukleus bagi interaksi sosial untuk memahami antara satu sama lain, membina jambatan persefahaman, dan seterusnya membina kesepaduan dalam kepelbagaian yang menjadi imej ideal masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Ini jelas disebut oleh Mateos (2020) bahawa kedua-dua teori ini menggalak kepada konstruksi identiti kendiri dan kolektif/kumpulan yang sangat penting dalam proses keharmonian dalam masyarakat, lebih-lebih lagi sekiranya dalam masyarakat yang dipengaruhi pengaruh global, dan migrasi. Oleh itu, proses yang berhasil dari kedua-dua teori falsafah multikulturalism dan integrasi sosial mampu menyiapkan masyarakat dalam konteks akomodasi malahan menjamin kesepaduan sosial.

#### 4. Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa ilmu falsafah mempunyai peranan penting dalam mempromosikan perpaduan kaum di Malaysia. Melalui penerapan konsep-konsep falsafah seperti multikulturalisme dan integrasi sosial, masyarakat dapat memahami dan menangani isu-isu kompleks yang berkaitan dengan kepelbagaian budaya. Oleh itu, adalah penting untuk mengintegrasikan pendidikan falsafah dalam sistem pendidikan dan inisiatif sosial untuk memperkuuhkan perpaduan kaum dan membina masyarakat yang lebih adil dan harmonis. Pemahaman terhadap konsep asas hubungan etnik sama ada secara intraetnik atau interetnik perlu dihayati oleh segenap lapisan masyarakat agar dapat menghindari gejala etnosentrisme, prejudis, streotaip mahupun diskriminasi (Shamsul Amri Baharuddin, 2012)

#### 6. Rujukan

- Abdul Rahman Ismail. (2007). *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sunawari Long. (2016). *Sejarah Falsafah Edisi Kedua*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Tarmizi Talib, Enizahura Abdul Aziz, Mohd Amiruddin Kamarulzaidi, Fang Yi Xue. (2019). *Indeks Keharmonian Sosio-Agama di Malaysia*. Jurnal Perpaduan: Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional
- Baterah Alias Huzaimah Che Zarinna Sa'ari. (2014). *Perpaduan Kaum Di Malaysia : Suatu Penilaian*. TeSSHI 2014 / eProceedings.  
[Online]: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/35444/1/35444.pdf> (akses pada 3 Julai 2024)
- Derek Johnston. (2021). *A Brief of Philosophy from Socrates to Derrida*. (Terj.Jamali Samsudin) ITBM dan IIUM Press.
- Diana L. Eck. (2002). *From Diversity to Pluralism*. Colombia University Press.

- Durkheim, E. (1893). *The Division of Labor in Society*. Free Press.
- H. Wriggins. National Integration, dlm. M. Weiner. (1966). *Modernization: the Dynamics of Growth*. BasicBooks.
- Kamal Azmi Abd. Rahman. (2023). *Kedudukan Ilmu Falsafah dalam Islam Menurut Al-Ghazālī* (1058- 1111 M) Sains Insani eISSN: [0127-7871]  
[Online]: <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/529> (akses pada 10 Julai 2024)
- Kymlicka, W. (1995). *Multicultural Citizenship: A Liberal Theory of Minority Rights*. Oxford University Press.
- Mark Bevir (2012). *Modern Pluralisme. Anglo-American Debate since 1880*. Cambridge University Press.
- Mohammed Yusoff Hussain. (2002). *Pengenalan kepada Sejarah Falsafah Barat Modern*. Karisma Publicatios.
- Peter Kivisto. (1998). *Key Ideas in Sociology*. Pine Forge Press.
- Rawls, J. (1993). *Political Liberalism*. Columbia University Press.
- Samsudin Suhaili. (2010). *Jurnal Peradaban Melayu (Edisi Khas)*. Vol.6. UPSI
- Sanjeev Saxena.(2008). *Modern Sociological Theories*. Manglam Publication.
- Sofia Stathi & Claudia Roscini. (2016). *Identity and Acculturation Processes in Multicultural Societies*. [Online]: [https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-3-319-29869-6\\_4](https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-3-319-29869-6_4) (akses pada 10 Julai 2024)
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik Edisi Ke 2*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tariq Madood.(2015). *Integration and Multiculturalism: Focus on Western Europe*.  
[Online]:[https://www.researchgate.net/publication/304194090\\_Integration\\_and\\_Multi\\_culturalism\\_Focus\\_on\\_Western\\_Europe](https://www.researchgate.net/publication/304194090_Integration_and_Multi_culturalism_Focus_on_Western_Europe) (akses pada 3 Julai 2024)
- Ting Chew Peh. (1993). *Konsep Asas Sosiologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Velasquez, Manuel. (2014). *Philosophy: A Text with Readings*. Wadsworth Cengage Learning.